

**Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban**

**Topik 9**

**Cabaran Kelestarian Etika  
Dan Peradaban  
Di Malaysia**

## Sinopsis Topik 9

Kelestarian etika dan peradaban sejagat senantiasa tercabar dan terkesan oleh **proses hakisan sosial**. Ini kerana perubahan dalam masyarakat berlaku dengan pantas dan sukar dikawal, sama ada dari segi sosial, ekonomi, politik, alam sekitar, teknologi, dan lain-lain.

**Kepesatan pembangunan ekonomi** banyak membawa implikasi positif dalam **peningkatan pendapatan negara** dan **kesejahteraan hidup masyarakat**. Namun begitu **ketidakseimbangan** pembangunan negara membawa **implikasi negatif** terhadap persekitaran fizikal, alam sekitar dan kesihatan masyarakat.

Pada dekad awal kemerdekaan berlakunya ***shared poverty* (kemiskinan bersama)**, namun setelah pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB), Malaysia telah mencapai pertumbuhan ekonomi yang baik dan menjadi pemangkin kepada ***shared prosperity* (kesejahteraan bersama)** yang terangkum di dalamnya kesepaduan nasional. Perubahan yang berlaku dalam masyarakat dan pembangunan ekonomi telah membawa **cabaran** dalam penghayatan etika dan peradaban di Malaysia.

Justeru, persoalan penting yang ingin dibincangkan dalam Topik 9 ini ialah bagaimana etika dan peradaban Malaysia boleh diperkasa dalam konteks hubungan antarabangsa demi meluaskan ruang sivik ke arah mengukuhkan pembinaan negara bangsa.

# Hasil Pembelajaran Dan Objektif


## Objektif

- ❖ Memahami cabaran keterlestarian etika dan peradaban di Malaysia

## Hasil Pembelajaran Dan Objektif

- ❖ Menghuraikan etika dan peradaban Malaysia dalam konteks pengalaman negara dan antarabangsa
- ❖ Menjelaskan kelestarian etika dan peradaban dalam kepelbagaian dan negara bangsa
- ❖ Menganalisis matlamat pembangunan lestari dan kesejahteraan bersama

# Peta Minda



# Kandungan Kursus

1. Kelestarian etika dan peradaban Malaysia
2. Kedinamikan etika dan peradaban Malaysia
3. DEB pemangkin *Sharing Poverty* tetapi gagal membawa *Shared Prosperity*
4. Hakisan sosial ke atas kelestarian etika dan peradaban
  - a) Defisit sosial
  - b) Tadbir Urus dan Pembangunan
  - c) *Black Economy* dan rasuah
5. Kelangsungan Kelestarian Etika dan Peradaban Malaysia bagi Pembangunan Negara Bangsa dan Ketamadunan Malaysia
  - a) Wawasan Kemakmuran Bersama, Rancangan Malaysia Ke 12 dan Pembangunan Lestari
  - b) Kesepaduan Nasional dan Perpaduan Negara
  - c) Perkongsian Pengalaman etika dan peradaban Malaysia demi keharmonian, kestabilan dan Kemajuan Ketamadunan Sejagat

# I. Kelestarian etika dan peradaban Malaysia

## Pengenalan

**Malaysia's 'civilised society' is to be admired, says Imran Khan**

[FMT News, Sean Augustin](#), February 4, 2020 5:37 PM

Etika dan peradaban di zaman dan negara mana sekalipun adalah dinamik, mengukuh, berubah-ubah dan tidak kekal. Memahami bentuk etika dan peradaban ini dan memberi penjelasannya secara kritis, analitikal dan dalam kerangka saintifik adalah tugas pelajar dan sarjana bersama.

Etika dan peradaban Malaysia telah berkembang dari tapak peradaban Alam Melayu dengan kewatanan Melayu dan bumiputera sebagai terasnya.

Tapak etika dan peradaban pribumi ini telah bergaul dengan peradaban majmuk dari luar melalui gelanggang Selat Melaka sebagai titik pertemuan masyarakat sedunia dari China, India, Timur Tengah dan Barat.

Peradaban majmuk ini berperanan dalam membina negara bangsa dan ketamadunan acuan Malaysia pada hari ini.

Daripada peradaban majmuk ini, Malaysia membina etika dan peradaban beracuan sendiri dengan menyulam kepelbagaian etika dan peradaban dalam melahirkan sebuah negara yang damai, stabil, maju dan sejahtera.

Obama, mantan Presiden Amerika Syarikat mempotretkan Malaysia sebagai sebuah negara masyarakat Islam yang moderat dan maju dan terbaru Imran Khan, Perdana Menteri Pakistan pula mengatakan Malaysia sebuah masyarakat bertamadun.

# I. Kelestarian etika dan peradaban Malaysia

Oleh kerana pembinaan tamadun sesebuah bangsa itu bukan perkara mudah, dan ia tidak dijamin berkekalan, maka masyarakat Malaysia perlu mengambil iktibar dari sejarah. Sejarah mungkin berulang bagi mereka yang tidak mengkaji, tidak mengambil iktibar dan tidak menjadikannya panduan hidup.

Pengalaman sedunia dari zaman purba hingga zaman kontemporari menunjukkan kedinamikan berlaku dan tiada satu peradaban kekal.

Kejatuhan sesebuah ketamadunan adalah disebabkan oleh keruntuhan nilai yang terangkum dalamnya pelbagai konsep seperti etika, moral, adab, akhlak dan seumpamanya. Teras kepada nilai ini adalah keadilan dan kebaikan manakala kezaliman, kekejaman dan penganiayaan membawa kehancuran nilai kemanusiaan dan ini pasti menamatkan mana-mana ketamadunan.



.....

# I. Kelestarian Etika dan Peradaban Malaysia

Dalam suasana kedinamikan etika dan peradaban ini, maka kita perlu sentiasa memahami, prihatin serta insaf dan secara sedar untuk merancang dan melaksanakan institutional reform dan iniatitif bagi memastikan etika mandarah daging dalam setiap rakyat Malaysia demi memastikan peradaban Malaysia terus unggul.







# I. Kelestarian etika dan peradaban Malaysia



## Advantages and Disadvantages of Globalisation

A Level Macroeconomics Revision (2019)

Etika dan peradaban di Alam Melayu dan timur dari China, India dan Timur Tengah adalah berteraskan nilai. Nilai-nilai utama yang menjadi adab, di antaranya, adalah tanggungjawab, keperihatinan, amanah, bertolak ansur, kedamaian, keadilan, kebaikan, disiplin, kerajinan, muafakat dan kemajuan. Etika dalam sebuah peradaban membina adab, adat, adat resam dan adat istiadat berdasar nilai-nilai yang sesuai dengan persekitaran geografi, ekonomi, sosio-budaya dan politik setempat.

Kedatangan penjajah barat membawa dimensi baru dalam etika dan peradaban di mana agama dipisah dari politik, dan rasionaliti, legal dan perkiraan keuntungan menjadi matlamat setiap individu.

Kekuatan setiap peradaban ini telah disulam ke dalam peradaban Malaysia dengan etika dan peradaban Melayu dan Islam sebagai terasnya.

## 2. Kedinamikan etika dan peradaban Malaysia

- Setiap peradaban memiliki ciri-ciri yang memajmukkan mereka. Namun begitu, gelanggang pertemuan dan pergaulan sepanjang Selat Melaka, dari pelabuhan Palembang, Melaka hingga Kedah dan Aceh menunjukkan hubungan ini menguntungkan di mana produk tempatan ditukar dengan produk China, India dan Barat.
- Terdapat kumpulan etnik daripada pelbagai peradaban majmuk ini memilih untuk tinggal dan, dengan kemerdekaan, menjadi rakyat di Persekutuan Tanah Melayu.
- Sejarah sosial dari zaman pra, kolonial hingga ke awal pasca colonial menunjukkan bahawa masyarakat plural di Tanah Melayu adalah bentuk masyarakat utama di negara ini;
- Menyebabkan berlaku ketidakseimbangan sosial dan kehidupan yang terpisah, terasing dan terputus oleh perbezaan etnik, bahasa, budaya, agama, pekerjaan dan tempat tinggal.



## 2. Kedinamikan etika dan peradaban Malaysia

- Rusuhan etnik 13 Mei dan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada dekad 1970an telah menyumbang dalam usaha membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat hingga pembangunan, migrasi dalaman dan perubahan teknologi telah mencetus perubahan sosial dan transformasi masyarakat..
- Perubahan sosial telah menjadikan pekerjaan sara diri bertani rakyat Malaysia ke arah pekerjaan bercirikan komersial-industrial, golongan miskin menjadi kelas menengah dan kehidupan kampung menjadi kosmopolitan.
- Perubahan sosial ini menandakan negara sudah berubah dari sebuah negara mundur ke negara maju; mentransformasi masyarakat daripada memiliki budaya tradisional kepada budaya kemodenan yang mengutamakan keadilan, keterangkuman, demokrasi, kesepaduan sosial, menolak keganasan dan ketidakstabilan politik.
- Budaya moden ini telah mengurangkan salah faham, ketegangan sosial dan pergaduhan di antara pelbagai kumpulan etnik di Malaysia.





## 2. Kedinamikan etika dan peradaban Malaysia

- Kini, batas etnik di antara komuniti di Malaysia tidak tebal. Berlakunya suasana kesepaduan yang diikat oleh nilai sivik sejagat seperti keadilan, kebajikan dan keterangkuman hingga perbezaan etnik menjadi perkara sekunder serta hilang kepentingannya sebagai pendorong tindakan mereka.
- Maka etika dan peradaban dimiliki rakyat Malaysia, asalnya majmuk, telah membina perkongsian nilai hidup bersama hingga pendapat awam disepakati bersama dan hubungan di antara rakyat Malaysia diperhatikan lebih merentas batas etnik dan membina hubungan sosial di antara mereka
- Rakyat Malaysia sudah mampu menerima, berkongsi dan meraikan perbezaan etnik di antara mereka hingga menyubur kesedaran kolektif etos bangsa Malaysia sebagai jati diri mereka.

### 3. DEB pemangkin *Sharing Poverty* tetapi gagal membawa *Shared Prosperity*

- DEB adalah dasar awam yang menyusun semula masyarakat dari segi pendidikan, pekerjaan, keusahawanan dan pemilikan kediaman telah menyumbang kepada pembasmian kemiskinan, dari tahun 1970an sehingga lahirnya masyarakat kelas menengah dan sifat kosmopolitan dalam negara pada hari ini.
- Namun begitu, DEB sebagai pemangkin perubahan *Shared Poverty* dalam tahun 1970an hingga tahun 2010an berdasar data pengagihan pendapatan, pemilikan harta, ekuiti saham korporat dan pekali gini mengikut bandar-luar bandar dan etnik menunjukkan Malaysia tidak mampu mempertahankan pertumbuhan ekonomi dengan pengagihan hinggan bukan kelas menengah yang membesar tetapi golongan B0. Kegagalan mengagihkan kekayaan negara ini telah melahir keresahan politik dan pergerakan reformasi pada dekad 2000an
- RMK11 mengambil model ekonomi baru tetapi dipengaruhi oleh pendekatan BRIC yang mementingkan pendapatan per kapita tinggi tanpa memberi tumpuan yang wajar kepada kumpulan B40, miskin dan terpinggir dalam masyarakat. Dalam PRU14, rakyat memilih kerajaan baru agar *Shared Prosperity* menjadi matlamat pembangunan negeri yang mendahulukan kebajikan rakyat.



#### 4. Hakisan Sosial ke atas Kelestarian Etika dan Peradaban

- Hakisan sosial ke atas kelestarian etika dan peradaban Malaysia dari 2000 semakin berlaku dan memuncak di 2018 di mana budaya keadilan, integriti, tolak ansur, kesepaduan dan demokrasi semakin terhakis.
- Hakisan sosial ini dipacukan lagi dengan tsunami maklumat palsu yang berniat membakar sentimen etnik dan agama di dunia digital tanpa etika. Kesannya, keharmonian dan kestabilan negara menjadi tidak terjamin.
- Hakisan sosial ke atas kelestarian etika dan peradaban negara akan ditinjau dari aspek-aspek di bawah:
  - a) Defisit sosial
  - b) Tadbir Urus dan Pembangunan
  - c) *Black Economy* dan rasuah



## 4. Hakisan sosial ke atas kelestarian etika dan peradaban

Kehilangan etika pasti merosak negara dan peradaban.\*

### a) Defisit sosial dalam pembangunan Negara

Golongan miskin tanpa mengira etnik di bandar dan dalam sektor pertanian serta negeri-negeri yang masih terperangkap dengan kemiskinan,

Mereka masih berhadapan dengan masalah peluang dan akses kepada pendidikan dan kesihatan yang terbatas;

Defisit sosial dalam pembinaan bangsa/Nation-building:

isu-isu berkaitan etnik, bahasa, budaya, agama, kekeluargaan, raja, Perlembagaan Persekutuan, Undang-undang Tubuh Negeri, sejarah semakin dibahaskan tanpa memahami Perlembagaan Persekutuan itu sendiri;

b) Tadbir Urus dan Pembangunan: Keadilan, keterangkuman, kegagalan mengurus B40, media sosial menghasut etnik, agama dan Perlembagaan Persekutuan. Perlu diurus demi keharmonian, kestabilan dan kemajuan negara

c) *Black Economy* dan rasuah: Perdagangan manusia, pekerja asing tanpa dokumen, pelacuran, judi, dadah, pembalakan, pencemaran alam sekitar seperti hutan, sungai, sampah dll, dan rasuah dalam kalangan agensi-agensi keselamatan dan pembangunan negara terus berlaku.



## 5. Kelangsungan Kelestarian Etika dan Peradaban Malaysia bagi Pembangunan Negara Bangsa dan Ketamadunan Malaysia

Kelangsungan kelestarian etika dan peradaban Malaysia tertakluk kepada pembinaan negara bangsa yang tersimpul dalam membina bangsa Malaysia dengan Perlembagaan Persekutuan sebagai asasnya serta tadbir urus dan pembangunan negara dengan adil dan terangkum untuk mengurangkan defisit sosial.

Pengukuhan kedua-dua aspek ini akan mengukuhkan keterikatan kolektif merentas etnik dan negeri hingga terbina kesepaduan nasional.

Pembinaan negara bangsa yang menetapi sejarah dan warisan simbol-etno negara akan melahirkan keharmonian dan kestabilan negara.

Manakala tadbir urus baik dan pembangunan akan mengukuhkan kualiti hidup dan kesepaduan nasional rakyat.\*

Perancangan masa depan dalam aspek di bawah:

- a) Wawasan Kemakmuran Bersama, Rancangan Malaysia Ke 12 dan Pembangunan Lestari
- b) Kesepaduan Nasional dan Perpaduan Negara
- c) Perkongsian Pengalaman etika dan peradaban Malaysia demi keharmonian, kestabilan dan kemajuan ketamadunan sejagat





# 5a. Wawasan Kemakmuran Bersama, Rancangan Malaysia Ke 12 dan Pembangunan Lestari

Wawasan Kemakmuran Bersama 2020-2030 adalah satu wawasan untuk mengambil kira ketidakseimbangan sosio-ekonomi di negara berdasar keperluan, dan juga dalam kalangan Melayu dan Bumiputera yang tinggal di luar bandar Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Pendekatan pembangunan ekonomi model Brazil, Russia, India dan China yang menguntungkan pemilik ekuiti korporat asing dan golongan T20 Malaysia masih diteruskan tetapi diimbangi dengan kesedaran golongan B40 yang tidak bersuara dan kuasa sering dipinggirkan kepada peluang dan akses kepada sumber material negara.

Penggubalan RMK12 perlu mengutamakan pembangunan dengan pengagihan demi memastikan rakyat diutamakan hingga kualiti hidup yang meningkatkan akan membina budaya moden dan disulami dengan nilai norma sejagat sebagai proses membina bangsa Malaysia.

Kelestarian etika dan peradaban Malaysia yang berpaksikan nilai yang mengutamakan kesepaduan nasional dan perpaduan dalam negara pasti akan melahirkan masyarakat yang harmoni dan damai dan kelangsungan pembangunan pasti akan berlaku. Mereka akan berkongsi nilai bersama keadilan, keterangkuman, keadilan, tolak ansur, bertanggung jawab dan prihatin dengan keperluan kebajikan sesama mereka terjamin.



## 5b. Kesepaduan Nasional dan Perpaduan Negara

Tadbir urus dan pembangunan yang baik akan membina kesepaduan nasional hingga berlaku pengukuhan kepada perpaduan negara. Etika dan adab seperti amanah, bertanggung jawab, prihatin dengan kebajikan, bertolak ansur dsbnya. pasti akan mengikat mereka untuk hidup aman, damai dan harmoni bersama.


Kegagalan melaksanakan pembangunan dan tadbir urus dengan adil hingga melebar jurang kaya-miskin, bandar-desa dan kumpulan etnik-agama pasti akan lahir kumpulan bukan sahaja miskin, terpinggir dan terabai tetapi juga kumpulan yang renggang dengan kerajaan. Budaya kerenggangan ini akan melahirkan budaya “kepembangkangan” dalam kalangan rakyatnya hingga menolak dan, akhirnya, bertindak sebagai pelampau dan ganas terhadap pemerintah. Dalam suasana politik sedemikian, selalunya etika dan adab terhadap negara akan dicalar dengan tanggapan buruk dan dalam dunia digital kini, berita-berita memburukkan kepimpinan dan parti pemerintah, walaupun palsu, akan ditularkan tanpa mengambil kira sensitiviti terhadap rakyat pelbagai etnik dan agama.

Dalam suasana sosial kepinggiran sedemikian, kepimpinan politik dan NGO akan mengemblingkan dimensi etnik dan agama demi mendapat pengaruh dan undi. Dengan kualiti hidup dan ekonomi yang tidak terjamin pasti akan berterusan kegelisahan dan ketegangan sosial dalam masyarakat, jika tidak ditangani segera akan melahirkan perpecahan, ketidakstabilan politik dan ini akan membantut kemajuan negara.



### 5c. Perkongsian Pengalaman etika dan peradaban Malaysia demi keharmonian, kestabilan dan Kemajuan Ketamadaunan Sejagat

- Malaysia adalah sebuah negara tamu pasca kolonial dan menerima pelbagai peradaban majmuk dan anggotanya menjadi warganegaraanya.\* Jelasnya pertemuan dan pergaulan peradaban majmuk ini telah memperkayakan peradaban kewatanan Melayu, Bumiputera Sabah dan Sarawak melalui proses difusi dengan pinjam meminjam budaya, pemakanan, bahasa dan budaya kerja di antara mereka. Pengalaman Malaysia, menunjukkan pembangunan setinggi mana kadar pertumbuhan ekonominya jika pengagihan dan kesejahteraan rakyat tidak dijaga, negara yang makmur dan kehidupan berkualiti tinggi tidak boleh menjamin kedamaian, kesepaduan, perpaduan dan kestabilan negara. Maka hasil pembangunan dinikmati oleh kumpulan kecil yang bersuara dan berkuasa sahaja perlu dijauhi. Keadilan dalam pengagihan kekayaan negara perlu ditegakkan dan dinikmati bersama
- Indeks Kualiti Hidup, Indeks Kesejahteraan Malaysia, Indeks Maqasid Malaysia, Indeks Perpaduan Nasional dan Indeks Kedamaian Global menunjukkan Malaysia adalah sebuah negara yang makmur, damai dan sejahtera. Kejayaan Malaysia dalam mentadbir urus dan pembangunan negara dengan baik, adil dan terang-kum adalah formula yang boleh dikongsi bersama dengan negara-negara yang masih berhadapan dengan pemusuhan dan konflik etnik dan agama dalam negara mereka.



## 5c. Perkongsian Pengalaman etika dan peradaban Malaysia demi keharmonian, kestabilan dan Kemajuan Ketamadunan Sejagat

- Malaysia sentiasa berpegang bahawa tadbir urus dan pembangunan kemajuan adalah alat kepada pencapaian matlamat akhir negara, iaitu perpaduan.
- Namun begitu perpaduan hanya menjadi idaman dan yang dicapai bukan matlamat akhirnya tetapi kesepaduan nasional. Kesepaduan nasional adalah satu proses ke arah menuju perpaduan.\*
- Dalam dunia digital kini, bukan sahaja tadbir urus dan pembangunan mesti baik tetapi kenyataan berbaur sensitif terhadap etnik dan agama lain perlu diuruskan. Banyak negara tidak menjadi kenyataan kebencian etnik menjadi satu jenayah tetapi penyular kenyataan kebencian etnik ini dan, dipanaskan lagi oleh maklumat palsu pasti akan melahirkan salah faham, ketegangan sosial dan pergaduhan dalam masyarakat.
- Pengalaman Malaysia perlu dikongsi sama di peringkat negara-negara jiran, sewilayah dan sedunia dalam membina keharmonian, kestabilan dan kemajuan ketamadunan sejagat di mana potensi pengupayaan personaliti manusia untuk berdikari dan membina jati diri sendiri diutamakan.
- **Peningkatan keupayaan individu akan mengukuh keupayaan keluarga, komuniti dan negara dan nilai-nilai keinsanan sejagat.**



# JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MODUL DAN VIDEO MODUL PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN INSTITUT KAJIAN ETNIK (KITA-UKM)

Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin  
(KITA-UKM)

Prof. Dr. Mansor Mohd Noor (KITA-UKM)

Prof. Madya Dr. Fazilah Idris (PUSAT CITRA-UKM)

Prof. Madya Dr. Nazri Muslim (PUSAT CITRA-UKM)

Prof. Madya Dr. Mohd Sobhi Ishak (SMMTC-UUM)

Prof. Madya Dr. Dr. Shamrahayu Ab Aziz (UIAM)

Prof. Madya Dr. Mohd Mahadee Ismail (UPM)

Dr. Hairol Anuar Mak Din (KUIS)

Dr. Nur Azlili Hasan (UTAR)

Ahmad Zul Hakimi Hassim (KITA-UKM)